

Warga asing punca jenayah meningkat

S.H 24/11/08 M/S 3

■ RAJA NORAINA RAJA AB RAHIM

AMPANG—Kebanjiran warga asing di Kampung Pandan di sini membimbangkan penduduk di mana, rata-rata mereka yang ditemui mendakwa masalah ini membawa kepada peningkatan kadar jenayah yang membabitkan warga asing.

Salah seorang penduduk di sini, Rozaimi Hisham mendakwa, kebanyakan pemilik rumah di sini mengambil inisiatif mendirikan bilik-bilik kecil dan disewakan kepada warga asing yang kebanyakannya dari Indonesia.

“Peningkatan kadar jenayah di sini amat membimbangkan di mana, sejak kebelakangan ini kadar kecurian yang berlaku di sini semakin meningkat.

“Tindakan pemilik rumah yang menyewakan bilik di rumah mereka kepada warga asing ini juga menjadi salah satu faktor kebanjiran mereka di kawasan ini seolah-olah ‘Mini Jakarta’,” katanya.

Menurutnya, peningkatan jumlah warga asing jelas apabila semakin banyak rumah telah didiami oleh mereka serta kebanyakan kedai dan gerai juga turut dikuasai oleh warga asing yang kebanyakannya dari Indonesia.

“Tambahan pula, terdapat separuh daripada kawasan setinggan di sini telah dirobohkan oleh pihak berkuasa tetapi separuh lagi masih belum dirobohkan sehingga kini, dan ini menyebabkan ada di antara mereka mengambil kesempatan membina dan menambah lagi kediaman di kawasan tersebut,” katanya.

Mengulas perkara sama, sumber yang tidak ingin dikenali mendakwa, terdapat warga Indonesia yang telah bertahun-tahun lamanya menetap di sini tanpa dokumen diri malah mereka bebas berkeliaran tanpa rasa takut.

“Ada di antara mereka berkelakuan kurang sopan dan berani bertindak di luar jangkaan sehinggakan ada penduduk setempat mengambil tindakan mendiamkan diri.

“Apa yang menjadi persoalannya, apakah peranan pihak yang berkenaan dalam menangani masalah ini? Kami sebagai penduduk di sini amat berharap agar pihak yang berkenaan menjalankan penguatkuasaan bagi mengatasi masalah ini,” katanya.

Menurutnya, pihak yang berkenaan perlu mengambil tindakan tegas dalam menangani masalah ini bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.